

1223/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Peraturan Pemarkahan
September
2024

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024**

**PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1
PERATURAN PEMARKAHAN
SET 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan Pemarkahan ini SULIT dan kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 9 muka surat termasuk muka hadapan

PERATURAN PEMARKAHAN PENDIDIKAN ISLAM SPM 1223/1
SET 2 PPC PUTRAJAYA 2024

Soalan			Jawapan	Pemarkahan
1	(a)	(i)	Dua bentuk perbuatan mempersendakan Islam: - Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT. - Menghina dan mengejek sunnah Rasulullah SAW. - Menghina golongan ulama dan orang soleh. - Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata. - Menyanjung perbuatan maksiat. - Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Dua cara menjaga kesucian Islam: - Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan di semua lapisan masyarakat. - Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW. - Meningkatkan kualiti ibadah fardu dan sunat demi menjamin keutuhan akidah. - Penguatkuasaan undang-undang dengan mengenakan hukuman dan denda yang berat kepada pesalah. - Mengamalkan tuntutan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan. - Meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam.	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	Dua pengajaran daripada ayat: - Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan agama (1m) supaya iman terpelihara (1m). - Kita hendaklah menyedari bahawa perbuatan menjadikan agama sebagai alat permainan dan gurauan ialah sebahagian daripada tipu daya syaitan (1m) supaya iman terpelihara (1m). - Kita hendaklah memberikan peringatan kepada orang yang mempersendakan agama berpandukan ajaran al-Quran dan al-Sunnah (1m) supaya mereka kembali bertaubat (1m). - Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT tidak akan memberikan perlindungan dan syafaat kepada orang yang mempersendakan agama (1m) supaya terpelihara daripada kesesatan (1m). - Kita hendaklah mempertahankan kesucian agama Islam (1m) supaya hidup dirahmati Allah SWT (1m).	2 isi x 2m = 4m PIH

(b)	(i)	Maksud naungan: - Mendapat perlindungan daripada kepanasan cahaya matahari (1m) di padang Mahsyar (1m).	1 isi x 2m = 2m									
	(ii)	Dua golongan tersebut selain golongan yang menyembunyikan sedekah: - Pemimpin yang adil. - Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT. - Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid. - Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT. - Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT. - Seseorang yang mengasihi Allah SWT sehingga menitiskan air mata.	2 isi x 1m = 2m									
	(iii)	Dua contoh menyembunyikan sedekah: - Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian (online). - Mewakafkan tanah bagi tujuan masjid. <i>*Mana-mana jawapan munasabah diterima</i>	2 isi x 1m = 2m									
	(iv)	Rubrik penskoran <table border="1"><thead><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr></thead><tbody><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 markah</td></tr></tbody></table> 50.4 peratus mengaku sudah lakukan seks sebelum usia 14 tahun Ribuan remaja hamil luar nikah Oleh SUHANA MD. YUSOP PUTRAJAYA – Secara purata, sebanyak 18,000 remaja berumur 10 hingga 19 tahun di Malaysia hamil setiap tahun dan mendapatkan rawatan di klinik kesihatan kerajaan. gaku pernah melakukan hubungan seks. Hasil kajian juga mendapati, sebanyak 50.4 peratus mula melakukan seks pertama kali sebelum usia 14 tahun dan hanya 32.3 peratus menggunakan kondom kali terakhir mereka melakukan hubungan seks. Huraikan pandangan anda berkaitan isu di atas. Cadangan isi : - Kurang penghayatan agama - Mempunyai iman yang lemah	Kriteria	Skor	Menyatakan isi sahaja.	1 markah	Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.	2 markah	Menjelaskan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.	3 markah	Merumuskan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah
Kriteria	Skor											
Menyatakan isi sahaja.	1 markah											
Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.	2 markah											
Menjelaskan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.	3 markah											
Merumuskan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah											

			- Terpengaruh dengan budaya yang negatif - Pergaulan bebas tanpa batasan	
	(c)		Dua jenis waqaf: - Wakaf Tam - Wakat Kafi - Wakaf Hasan - Wakaf Qabih	2 isi x 1m = 2m
2	(a)	(i)	Maksud al-Jabbar: - Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Berkuasa secara mutlak (1m) untuk melakukan segala kehendakNya (1m).	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar: - Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam. - Allah SWT tidak boleh dipersoalkan perbuatan-Nya. - Manusia wajib bersifat merendah diri kerana Allah SWT	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	Keimanan terhadap sifat Allah al-Jabbar melahirkan sifat tawaduk dalam diri. Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. Cadangan isi : - Manusia akan berasa insaf dan menyedari kelemahan diri - Takut melakukan kemungkaran - Melahirkan insan yang bertaqwa	Isi = 1m Huraian= 1m Huraian Lengkap= 1m Kesimpulan= 1m Jumlah = 4m
	(b)	(i)	Sejarah ringkas kemunculan Khawarij: - Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib r.a. yang berpaling tadah (1m) kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim (1m).	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua prinsip Khawarij: - Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pilihannya kepada rakyat (1m) untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak (1m). - Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali r.a. telah melakukan dosa besar serta kufur (1m) kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim (1m). - Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah (1m) yang tidak adil (1m). - Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat (1m) dikira berdosa besar dan kafir (1m).	2 isi x 2m = 4m Isi = 1m Huraian = 1m

		(iii)	Dua perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Khawarij tentang isu berikut: <table><tr><th>Ahli Sunnah Wal Jamaah</th><th></th><th>Khawarij</th></tr><tr><td>Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat</td><td>Pelaku dosa besar</td><td>Pelaku dosa besar dianggap kafir</td></tr><tr><td>Iman boleh bertambah dan berkurang bergantung kepada amal soleh dan maksiat yang dilakukan.</td><td>Kedudukan iman</td><td>Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran.</td></tr></table>	Ahli Sunnah Wal Jamaah		Khawarij	Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat	Pelaku dosa besar	Pelaku dosa besar dianggap kafir	Iman boleh bertambah dan berkurang bergantung kepada amal soleh dan maksiat yang dilakukan.	Kedudukan iman	Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran.	2 isi x 2m = 4m
Ahli Sunnah Wal Jamaah		Khawarij											
Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat	Pelaku dosa besar	Pelaku dosa besar dianggap kafir											
Iman boleh bertambah dan berkurang bergantung kepada amal soleh dan maksiat yang dilakukan.	Kedudukan iman	Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran.											
3	(a)	(i)	Maksud sembelihan: - Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya (1m) dengan cara memutuskan urat halkum dan urak marik (1m).	1 isi x 2m = 2m									
		(ii)	Dua daripada tiga rukun sembelihan: - Penyembelih - Binatang sembelihan - Alat sembelihan	2 isi x 1m = 2m									
		(iii)	Dua hikmah sembelihan dari sudut syarak dan sains: - Membezakan antara daging yang halal dan daging yang haram supaya ibadah diterima. - Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang kerana toksin dan bakteria yang terdapat dalam darah telah dikeluarkan. - Mempercepat proses kematian binatang yang disembelih supaya tidak menyiksa haiwan tersebut.	1 isi x 2m = 2m									
		(iv)	 Berdasarkan petikan akhbar, kemukakan hujah anda untuk menangani masalah di atas.	Isi = 1m Huraian= 1m Huraian Lengkap= 1m Kesimpulan= 1m Jumlah = 4m									

			Cadangan isi: - Pihak berwajib perlu mengadakan pemeriksaan berkala kepada premis terlibat. - Rumah sembelihan perlu mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia untuk beroperasi. - Melapor kepada pihak berwajib/ JAKIM	
	(b)	(i)	Maksud iddah: - Tempoh masa yang perlu dilalui oleh seseorang isteri (1m) selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami (1m).	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua larangan semasa iddah: - Menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan. - Keluar daripada rumah yang disediakan oleh suami kecuali untuk keperluan yang dibenarkan oleh syarak. - Berhias diri kecuali wanita yang dalam idah raji'e.	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	Tempoh bagi isteri yang bercerai hidup dalam situasi: - Belum putus haid: 3 kali suci - Belum pernah disetubuhi: Tiada iddah	2 isi x 1m = 2m
		(iv)	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003: Muzakarah telah memutuskan bahawa mana-mana anak angkat yang diangkat oleh orang Islam tidak boleh dinasabkan kepada bapa angkatnya. Pada pendapat anda, apakah sebenarnya hikmah disebalik larangan tersebut? Cadangan isi: - Anak angkat masih mempunyai pertalian darah dengan bapa kandungnya. - Menjaga nasab keluarga sebenar. - Tidak berlaku masalah di kemudian hari.	Isi = 1m Huraian = 1m Huraian Lengkap = 1m Kesimpulan = 1m Jumlah = 4m
4	(a)	(i)	Dua pemerintah pertama dan terakhir kerajaan Uthmaniyah: - Pertama: Uthman bin Ertughrul - Terakhir: Sultan Abdul Majid II	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek ketenteraan:	2 isi x 2m = 4m

		- Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera Islam dalam mempertahankan agama dan negara. - Menjaga kebajikan tentera dengan menyelaraskan sistem kenaikan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata yang moden.	
	(iii)	Pemimpin yang terbaik akan memberikan manfaat kepada semua orang, bukan sahaja manfaat di dunia malahan juga di akhirat. Huraikan pandangan anda terhadap pernyataan di atas. Cadangan isi: - Pendidikan fardu ain dan fardu kifayah akan diberi penekanan serius oleh pemimpin. - Negara akan aman tanpa rasuah. - Nasib rakyat akan terbela. - Infrastruktur disediakan dengan lengkap.	Isi = 1m Huraian=1m Huraian Lengkap= 1m Kesimpulan= 1m Jumlah= 4m
(b)	(i)	Riwayat hidup Imam Syafie: - Nama penuh : Muhammad bin Idris as-Syafie. - Dilahirkan : Tahun 150 hijrah di Ghazzah. - Wafat : Tahun 204 Hijrah. - Kuniah : Abu Abdullah.	2 isi x 1m = 2m
	(ii)	Dua keperibadian Imam Syafie: - Sanggup tinggal bersama-sama dengan kaum Arab Badwi demi menguasai bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Arab. - Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu. - Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak Syiah dan ketika berhadapan dengan khalifah Harun al-Rasyid. - Sangat pemurah kepada fakir miskin walaupun hidupnya sederhana. - Tinggi sifat warak dan kuat beribadat.	2 isi x 2m = 4m
	(iii)	Dua iktibar daripada keunggulan tokoh: - Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran imam mazhab dalam menuntut ilmu (1m) sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu (1m). - Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab (1m) supaya masyarakat hidup harmoni (1m). - Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari (1m) supaya hidup diberkati Allah (1m).	2 isi x 2m = 4m PIH

			- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki (1m) agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat (1m).	
5	(a)	(i)	Adab terhadap orang sakit dari aspek ibadah: - Mendoakan kesihatan mereka. - Membantu mereka melakukan ibadat.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua hikmah beradab terhadap orang sakit: - Mengembirakan pesakit (1m) agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT (1m). - Mengeratkan ukhwah sesama anggota masyarakat (1m) agar hidup diberkati Allah SWT (1m). - Melahirkan keinsafan (1m) kerana diberi nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit (1m).	2 isi x 2m = 4m Isi = 1m Huraian = 1m
		(iii)	Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya situasi di atas diabaikan? Cadangan isi : - Hilang semangat dan motivasi untuk meneruskan kehidupan. - Pesakit malas untuk melakukan ibadat. - Mengganggu ketenteraman jiwa. - Pesakit lambat sembuh.	Isi = 1m Huraian=1m Huraian Lengkap= 1m Kesimpulan= 1m Jumlah = 4m
	(b)	(i)	Maksud alam sekitar ialah: - Segala benda hidup dan bukan hidup (1m) yang terdapat di sekeliling manusia (1m).	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua adab terhadap alam sekitar ialah: - Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna (1m) agar tidak terancam dan pupus (1m). - Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar (1m) dengan tidak melakukan sebarang kerosakan (1m).	2 isi x 2m = 4m Isi = 1m Huraian = 1m

			- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar (1m) seperti bergotong-royong membersihkan kawasan rumah (1m). - Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air (1m) agar bil air tidak melambung tinggi (1m). - Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam (1m) seperti amalan kitar semula (1m). - Sentiasa menjaga kelestarian alam (1m) seperti menjaga kebersihan sungai dan laut (1m).	
	(iii)	Maksud firman Allah: “Dan apabila dikatakan kepada mereka, janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi... <i>Surah al-Baqarah: 11</i> Maklumat 1	 Maklumat 2	
		Berdasarkan kepada maklumat 1 dan maklumat 2, mengapakah kita perlu melakukan perkara tersebut? Bincangkan Cadangan isi: - Melahirkan insan yang cintakan alam sekitar. - Memastikan habitat haiwan terpelihara. - Melestarikan alam sekitar yang indah. - Mengelakkan bencana alam.		Isi = 1m Huraian=1m Huraian Lengkap= 1m Kesimpulan= 1m Jumlah= 4m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

